

**Markah penuh : 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah  
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

**Nota :**

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
	<b>Jumlah markah</b>										<b>20</b>

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan isi baik</li> <li>• Struktur ayat/ tatabahasa baik</li> <li>• Kosa kata luas</li> <li>• Tanda baca/ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan isi masih baik</li> <li>• Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan</li> <li>• Kosa kata masih memuaskan</li> <li>• Tanda baca/ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan</li> </ul>

## Nota

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

**Soalan 1 : Rumusan**

**Pendahuluan / Pengenalan [2 markah]**

**Markah**

Petikan membincangkan/ menerangkan/ menyatakan/ menjelaskan tanggungjawab/ usaha/ langkah/ tindakan/ inisiatif/ ikhtiar remaja sebagai modal insan untuk memajukan/ menjulang /mengharumkan nama negara ini.

2

Petikan membincangkan/ menerangkan/ menyatakan/ menjelaskan tanggungjawab/ usaha/ langkah/ tindakan/ inisiatif/ ikhtiar remaja sebagai modal insan negara.

1

**Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]**

(Peranan remaja sebagai modal insan)

1. Melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran insaniah. 2
2. Jati diri sebagai anak Malaysia haruslah diperkukuh oleh setiap remaja. 2
3. Menggunakan peluang yang ada untuk bergerak aktif sama ada dalam aktiviti kemasyarakatan, sukan ataupun kebudayaan 2
4. Sensitif terhadap isu semasa yang berlaku sama ada di dalam negara mahupun di luar negara 2
5. Lebih matang dalam mengatur setiap langkah kehidupan mereka 2
6. Keyakinan diri perlu ditingkatkan 2
7. Mempunyai daya saing yang tinggi 2
8. Kejayaan akademik yang cemerlang harus dicapai 2

**Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]**

(Kekangan untuk melahirkan modal insan)

1. Tiada sokongan ibu bapa/ keluarga/ keluarga bermasalah 2
2. Pengaruh negatif rakan sebaya 2
3. Pengaruh persekitaran/ masyarakat yang negatif 2
4. Pengaruh media massa/ledakan teknologi maklumat 2
5. Pengaruh hedonisme / kebendaan/ keseronokan berfoya-foya 2

**(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**Penutup**

Kesimpulannya, semua pihak harus menggembeng tenaga untuk melahirkan remaja yang berwibawa supaya negara tidak ketandusan peneraju pada masa hadapan.

2

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT**

**Soalan 2**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : 9 markah
- Soalan 2 (b) : 9 markah
- Soalan 2 (c) : 8 markah
- Soalan 2 (d) : 9 markah

**Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga soalan 2 (d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/ salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/ kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

SULIT

6

1103/2(PP)

Soalan 2 (a) : Petikan Umum

Markah

(i) Maksud di mercu kegemilangan

- Di puncak kejayaan/ kecemerlangan/ kemasyhuran

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Usaha-usaha kerajaan

- memperbanyak latihan kepimpinan dalam kalangan remaja
- pelbagai geran dan kemudahan telah diberikan oleh pihak kerajaan
- bantuan modal, nasihat dan bantuan teknikal turut diberikan

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Cara ibu bapa memainkan peranan

- Membentuk personaliti anak-anak - menyemai nilai murni/ moral / agama/ jati diri/ sikap positif
- Mengutamakan pendidikan anak-anak
- Memberikan perhatian dan kasih sayang sepenuhnya
- Menyediakan keperluan remaja
- Memahami jiwa remaja

[Maksimum: 4 markah]

SULIT

7

1103/2(PP)

Soalan 2(b) : Petikan Cerpen

Markah

(i) Tindakan

- melestarikan harta warisan alam 1
- mewujudkan kawasan hutan simpan 1
- menjaga dusun dan hutan 1

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Kesan pemusnahan hutan terhadap alam sekitar

- bencana alam / hakisan tanah / tanah runtuh / banjir 1
- pemanasan global / peningkatan suhu bumi / kesan rumah hijau 1
- pencemaran air / sungai cetek /menjejaskan hidupan akuatik 1
- pencemaran udara / jerebu 1
- menjejaskan kawasan tadahan hujan 1
- menggugat keseimbangan ekosistem 1
- menjejaskan habitat flora dan fauna 1

[Maksimum: 3 markah]

(ii) Perwatakan bapa dalam petikan

- mencintai alam sekitar** – contoh bapa seorang yang mencintai alam sekitar dan berusaha mengekalkan kawasan hutan simpan. 1 + 1
- rajin / gigih** - contoh: walaupun sudah tua, bapa rajin bekerja dengan menanam semula pokok-pokok bagi mewujudkan kawasan hutan simpan / gigih memberikan sumbangan. 1 + 1
- **jujur** - contoh: bapa mengakui kesilapannya pernah memusnahkan hutan suatu masa dahulu. 1 + 1

[Maksimum: 2 markah]

Perwatakan bapa dalam keseluruhan cerpen

- penyayang** – contoh: bapa merupakan seorang datuk yang penyayang terhadap cucu-cucunya. 1 + 1
- taat kepada perintah agama**– contoh: bapa taat pada suruhan agama / melakukan solat fardhu dan membaca Yasin setiap malam Jumaat. 1 + 1
- bertanggungjawab** – contoh: bapa seorang bapa yang bertanggungjawab menyara keluarga / mengeluarkan belanja sendiri untuk menyekolahkan anak-anaknya. 1 + 1

[Maksimum: 2 markah ]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

SULIT

8

1103/2(PP)

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik

Markah

(i) Maksud

- berchat / melepaskan lelah di atas 1
- tempat duduk raja / tempat raja bersemayam 1

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Tujuan

- hendak pulang ke negeri Semarang di Tanah Jawa 1
- hendak meninjau kati dan dacing, cupak dan gantang 1
- hendak meninjau adat resam negeri orang 1

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Faedah

- menambahkan ilmu pengetahuan 1
- mempelajari budaya / adat resam masyarakat tempat yang dilawati 1
- merehatkan fikiran 1
- mengeratkan hubungan kekeluargaan 1
- mengisi masa terluang 1
- menghargai alam ciptaan Tuhan 1
- menambahkan rasa cinta akan tanah air 1

[Maksimum: 3 markah ]

Soalan 2(d) : Puisi

(i) Penyajak ingin

- menyeberangi Laut China Selatan 1
- melayari Lautan Teduh 1
- merentasi Laluan Sutera 1
- berkongsi siang dan malam 1
- menyemai rasa cinta sejagat 1
- memberikan harapan yang sama kepada warga dunia 1

[Maksimum: 2 markah ]

(ii) Cara memupuk perpaduan dalam kalangan remaja	Markah
<b>Individu :</b> - remaja sendiri mesti menunjukkan sikap saling menghormati rakan-rakan yang berbeza latar belakang budaya dan agama	1
<b>Ibu bapa :</b> -menjadi suri teladan dengan menjalinkan perhubungan yang erat dan karib dengan jiran tetangga	1
<b>Pihak sekolah:</b> - menyusun kegiatan di dalam mahupun di luar bilik darjah yang mampu memupuk perpaduan - melalui aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan seperti sukan, kelab, dan persatuan - melalui pelbagai pertandingan, sambutan bulan kemerdekaan, dan hari patriotik - mengadakan program anak angkat / rancangan pertukaran pelajar	1
<b>Pihak masyarakat setempat / kawasan kejiranan :</b> -mengadakan aktiviti kemasyarakatan / gotong- royong / rumah terbuka yang melibatkan remaja berbilang kaum	1
<b>Pihak media massa:</b> -mengadakan kempen kesedaran tentang pentingnya perpaduan / iklan -menyiarkan program / rancangan yang menggalakkan perpaduan kaum	1

[Maksimum: 3 markah]



SULIT

10

1103/2(PP)

(iii) Nilai kemanusiaan

Markah

- **Toleransi** – berkongsi kehidupan antara manusia pelbagai latar belakang 1 + 1
- **Kasih sayang** – menjalin hubungan baik sesama manusia atas dasar kasih sayang 1 + 1
- **Bersatu padu** – bersatu dalam usaha mencapai harapan dan impian yang sama dalam hidup 1 + 1
- **Keadilan** – prinsip keadilan untuk semua. Nasib semua orang akan terbela 1 + 1

[Maksimum: 4 markah ]

**Soalan 3**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada :

- Soalan 3 (a) - 6 markah
- Soalan 3 (b) - 6 markah
- Soalan 3 (c) - 6 markah
- Soalan 3 (d) - 6 markah
- Soalan 3 (e) - 6 markah

**Perhatian bagi Soalan 3 (a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.
11. Nota: **-nya** boleh diterima (bukan imbuhan).

**3 (a) Membina ayat**

- (i) tembok : dinding yang dibuat daripada batu bata dll, benteng daripada batu dll / tambak ( batu bata dll)/ sesuatu yang memisahkan atau mengasingkan (kiasan)
- tembuk : berlubang ( kain, kertas dll)/ tembus (tapak kasut)/ berongga atau berlubang (gigi, batu dll)
- (ii) telur : benda yang mengandungi lembaga anak yang umumnya bersalut kulit keras (ayam, ikan, katak dll)
- telor : bermaksud pelat/ tidak dapat mengucapkan kata-kata dengan sebutan yang betul
- (iii) tempoh : jangka waktu / waktu untuk bertangguh
- tempuh : melalui, mengharung, mengalami

**[Maksimum: 6 markah]**

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT**

3 (b) **Menukarkan ayat daripada cakap ajuk kepada cakap pindah**

Perhatian untuk Soalan 3(b)

- (i) Jawapan boleh ditulis sama ada mengikut urutan atau ditulis dalam satu perenggan.
- (ii) Berikan markah secara 'impression' [Baik 5-6, Sederhana 3-4 dan Lemah 1-2 ].
- (iii) Sekiranya terdapat calon yang banyak melakukan kesalahan tatabahasa, ½ markah ditolak daripada markah keseluruhan.

**Jawapan 3(b)**

Cikgu Idayu menanyakan Aina alasan dia tidak menghantar kerja kursus yang diarahkannya semalam. Aina meminta maaf kepada Cikgu Idayu dan mengatakan bahawa kerja kursusnya itu tertinggal di rumah. Cikgu Idayu menampelak Aina dan menyatakan bahawa Aina mengemukakan banyak alasan serta selalu tidak menyiapkan tugas yang diberikannya. Aina menafikan kata-kata Cikgu Idayu dan menegaskan bahawa kerja kursusnya benar-benar tertinggal di rumah. Cikgu Idayu mengalah dengan penafian Aina dan menerima alasan yang diberikan, tetapi dia mengarahkan Aina supaya meletakkan kerja kursus pada pagi esok di atas mejanya.

[Maksimum: 6 markah ]

3 (c) **Kesalahan ejaan dan imbuhan**

**Ejaan**

- (i) samada : sama ada
- (ii) masaalah : masalah
- (iii) dinegara : di negara

**Imbuhan**

- (i) binaan : pembinaan
- (ii) mendalami : mendalamkan
- (iii) menghadkan : mengehadkan

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

3 (d) **Kesalahan penggunaan kata atau istilah**

- (i) kecerdasan : kecergasan
- (ii) bidang : acara
- (iii) bermutu : berprestij

**Kesalahan tatabahasa**

- (i) atau : dan
- (ii) tidak : bukan
- (iii) tiap : setiap/ tiap-tiap

[Maksimum: 6 markah ]

3 (e) **Peribahasa**

Perhatian bagi soalan 3 (e)

- (i) Cara menjawab sama seperti soalan membina ayat (3a).
- (ii) Peribahasa mesti dimasukkan dalam binaan satu ayat sahaja.

**Jawapan**

- (i) Alang-alang mandi biarlah basah

Maksud : Kalau mengerjakan sesuatu perkara janganlah sekerat jalan.

- (ii) Belakang parang diasah lagikan tajam.

Maksud : Orang yang bodoh, kalau ada kesungguhan mempelajari sesuatu, lama kelamaan akan pandai juga.

- (iii) Otak cair

Maksud : Orang yang bijak / cerdik

[Maksimum: 6 markah ]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- 4(a) i) Jawapan mesti berdasarkan sebuah novel yang dipelajari  
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap  
iii) Jawapan mesti meliputi pernyataan dan huraian  
iv) Berikan 1 markah untuk pernyataan dan 1 markah untuk huraian yang lengkap / jelas  
v) Berikan 0 markah untuk huraian yang tidak lengkap / tidak jelas  
vi) Huraian tanpa pernyataan 0 markah  
vii) Markah bagi 2 isi yang lengkap dengan huraian - maksimum 4 markah  
viii) Maksimum markah bahasa 3 markah  
ix) Markah bahasa diberi secara *impression* seperti berikut:
- Baik : 3 markah  
Sederhana : 2 markah  
Lemah : 1 markah
- x) Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, markah bahasa 1 markah.  
xi) Jika calon tidak menjawab, markah isi 0 markah dan tiada markah untuk bahasa  
xii) Jika calon menjawab dalam bentuk poin, tolak 50% daripada markah keseluruhan.  
xiii) Tuliskan di bahagian bawah jawapan calon seperti berikut :

Contoh :

$$1 = 4$$

$$\underline{3 = 3}$$

7 m

[Maksimum: 7 markah ]

- 4(b) i) Jawapan mesti berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari  
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap  
iii) Beri 1 markah untuk 1 isi ( latar masyarakat ) dan 1 markah untuk contoh / huraian  
iv) Isi ( latar masyarakat ) tanpa contoh / huraian..- 1 markah  
v) Contoh / huraian tanpa latar masyarakat - 0 markah  
vi) Markah bagi 3 isi yang lengkap dengan contoh / huraian - maksimum 6 markah  
vii) Maksimum markah bahasa 2 markah. Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi  
viii) Markah bahasa diberi secara *impression* seperti berikut:
- Baik : 2 markah  
Lemah : 1 markah
- ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, berikan 1 markah untuk bahasa.  
x) Calon tidak menjawab 0 markah  
xi) Jika calon menjawab dalam bentuk poin, tolak 50% daripada markah keseluruhan.  
xi) Tuliskan di bahagian bawah jawapan calon seperti berikut:

Contoh :

$$I = 6$$

$$\underline{B = 2}$$

8 m

[Maksimum: 8 markah]

4 (a) Kesesuaian pemilihan judul dengan isi kandungan novel

1. Novel *PAPA... (akhirnya kau tewas jua!)* karya Deana Yusof

Pernyataan	Huraian
<p>1. Tewas dalam mempertahankan kasih sayang.</p>	<p>Papa telah membuktikan kasih sayangannya yang mendalam terhadap mama dengan cara menjaganya, berbual-bual dengan mama sepanjang masa mama koma dengan harapan mama akan pulih seperti dahulu. Namun begitu, papa akhirnya tewas juga apabila dia berkahwin dengan pelajarnya sendiri, iaitu Aisyah walaupun ketika itu mama masih dalam keadaan koma.</p>
<p>2. Tewas mengawal emosi.</p>	<p>PAPA ... ( akhirnya kau tewas jua! ) papa telah mengalirkan air mata semasa mama menghembuskan nafasnya yang terakhir di hadapan papa. Sebelum kejadian tersebut, papa tidak pernah menitiskan air matanya walaupun semasa kedua-dua anak kembar siamnya Ahmad dan Muhamad meninggal dunia serta mama dalam keadaan koma selepas menjalani pembedahan.</p>

2. Novel **Konserto Terakhir** karya Abdullah Hussain

Pernyataan	Huraian
<p>1. Tajuk ini sangat sesuai kerana <b>Konserto Terakhir</b> merujuk satu peristiwa paling penting dalam novel.</p>	<p>Konserto Terakhir merujuk konsert Hilmi yang terakhir sebelum dia meninggal dunia dan diadakan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya.</p>
<p>2. <b>Konserto Terakhir</b> ini telah membuktikan kejayaan watak utama.</p>	<p>Konserto yang terakhir ini juga telah berjaya menarik perhatian penonton termasuk Yang di-Pertuan Agong dan Hilmi telah disanjung kerana kejayaannya dalam bidang muzik.</p>
<p>3. Konsert terakhir ini merupakan klimaks dalam novel tersebut.</p>	<p>Pada malam Pertunjukan Orkes Perdana inilah Pak Karim telah membongkar rahsia bahawa Hilmi sebenarnya ialah anak kandung Datuk Johari dengan isteri pertamanya di kampung.</p>
<p>4. <b>Konserto Terakhir</b> merupakan konsert yang telah menginsafkan watak</p>	<p>Konserto yang terakhir itu juga telah menginsafkan Datin Salmah dan Datuk Johari atas kesilapan mereka yang telah menyeksa dan menghina Hilmi semasa Hilmi tinggal bersama-sama mereka.</p>



4 (b) Latar masyarakat dalam sebuah novel

1. Novel *PAPA... (akhirnya kau tewas jua!)* karya Deana Yusuf

Latar Masyarakat	Peristiwa
1. Masyarakat pendidik yang berdedikasi	Intan Maliana, iaitu Mama bekerja sebagai guru Matematik Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 di Sekolah Menengah Seri Gading. Sifat Mama yang ramah, mudah mesra dan cara pengajarannya yang efektif menyebabkan mama disukai oleh pelajarinya.
2. Masyarakat Melayu bandar	Julia dan Rasyan berkunjung ke Restoran Starbucks Coffee untuk menikmati kopi ala barat yang terkenal. Malahan mereka juga berkunjung ke restoran segera di pusat beli-belah Mid Valley.
3. Masyarakat Melayu yang mengamalkan poligami	Selepas Mama koma selama tiga tahun, papa Julia iaitu Jeffri telah memperisterikan Aisyah.
4. Masyarakat remaja yang saling mencintai	Julia dan Rasyan telah berkawan sejak sekolah menengah lagi. Akhirnya, hubungan mereka semakin intim dan terpaksa disembunyikan daripada pengetahuan papa kerana papa Julia tidak bersetuju dengan hubungan mereka.
5. Masyarakat yang cinta akan ilmu	Julia dan Rasyan gigih menuntut ilmu hingga mereka berjaya melanjutkan pelajaran ke Kolej Matrikulasi di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

Latar Masyarakat	Peristiwa
6. Masyarakat yang tabah menghadapi dugaan hidup	Julia dan papa tabah menghadapi dugaan apabila mama koma selama tiga tahun dan kedua-dua adik dan anak kembar siam mereka telah meninggal dunia.
7. Masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap anak kandung sendiri.	Ibu bapa Rasydan telah meninggalkannya semasa dia masih bayi lagi. Sebenarnya, Rasydan ialah anak luar nikah antara Encik Muaz dengan seorang perempuan berketurunan Indonesia.
8. Masyarakat yang mengutamakan kasih sayang dalam hubungan kekeluargaan	Julia ialah seorang anak yang sangat menyayangi mamanya. Dia sanggup pulang dari asramanya di Kolej Matrikulasi UIA semata-mata untuk menjaga mamanya yang sedang koma.

2. *Novel Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain

Latar Masyarakat	Peristiwa
1. Masyarakat yang tidak mementingkan agama dalam kehidupan seharian	Datuk Johari dan Datin Salmah tidak pernah menunaikan solat dan mengamalkan cara hidup Barat.
2. Masyarakat yang ikhlas dalam memberikan pertolongan	Encik Bakar telah mengajar Hilmi bermain muzik secara ikhlas tanpa meminta sebarang bayaran.
3. Masyarakat yang sanggup berkorban demi kebahagiaan orang lain.	Hayati sanggup berkahwin dengan Mohsin walaupun dia lebih mencintai Hilmi semata-mata untuk menyenangkan hati kedua-dua ibu dan bapanya.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

4. Masyarakat yang meminati seni muzik	Keluarga Encik Bakar dan masyarakat bandar yang lain juga meminati muzik contohnya mereka memberikan sambutan yang hangat terhadap Pertunjukan Orkes Perrdana/Hayati juga melanjutkan pelajaran dalam bidang muzik di London.
5. Masyarakat yang mengamalkan sikap tolong-menolong	Mamat telah membantu Hilmi mencari guru muzik dan seterusnya memperkenalkan Hilmi dengan Encik Bakar iaitu seorang guru muzik.
6. Masyarakat yang bertanggungjawab dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.	Hilmi bekerja dengan bersungguh-sungguh sebagai tukang kebun walaupun gajinya rendah dan sering dihina oleh Datin Salmah.
7. Masyarakat yang mementingkan pangkat dan darjat	Datin Salmah melarang Hayati berkawan baik dengan Hilmi yang miskin dan telah mengahwinkan Hayati dengan Mohsin anak saudaranya yang kaya.
8. Masyarakat bandar yang kurang mengamalkan semangat kejiranan	Datuk Johari memarahi Hilmi kerana menerima tanah hitam daripada Dr. Nathan, jirannya.
9. Masyarakat yang mengabaikan tanggungjawab sebagai ibu bapa	Datuk Johari dan Datin Salmah tidak pernah mengajar Hayati bersembahyang.

**Peraturan Pemarkahan Tamat**

[Lihat halaman sebelah  
SULIT